

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN
BIN ABD. KADIR [SETIU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana hasil kajian yang telah dibuat berkenaan Pemajuan Perumahan Tanah FELDA dan bilakah jangkaan projek tersebut boleh dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemajuan Perumahan Tanah FELDA bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Walau bagaimanapun, KPKT sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak FELDA dan pada 10 November 2020 yang lalu pihak FELDA telah mengadakan perbincangan awal berkenaan cadangan pemajuan perumahan di tanah FELDA ini bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

2. Pihak FELDA sedang menjalankan rundingan dan kajian terperinci serta semakan bagi menangani isu-isu berbangkit terhadap cadangan ini. Satu mesyuarat khas akan diadakan oleh pihak FELDA bagi memaklumkan status rundingan dan kajian tersebut serta akan membincangkan mekanisme pelaksanaan cadangan ini dengan lebih terperinci dalam masa terdekat. Pihak FELDA menjangkakan cadangan pemajuan perumahan di tanah FELDA ini dapat dilaksanakan seawal tahun 2021. Sekian, terima kasih.